



1060 INOVASI DAN KREATIVITI PENERBITAN AL- QURAN: SATU TINJAUAN DI MALAYSIA

Shaharuddin Pangilun,¹ Dr. Farhah Zaidar Ramli,² Rohana Zakaria¹ & Khadijah
Zainal

¹ Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qira'at, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej
Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

² Jabatan Al-Quran Dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti
Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Penulis Penghubung: Shaharuddin Pangilun, Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qira'at,
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. (+06 011 1084 7179), Email:

shaharuddin.pangilun@kuis.edu.my

Abstrak

Penerbitan al-Quran kini semakin berkembang pesat dengan kemajuan teknologi terkini. Ia diaplikasi dan diadaptasikan dalam proses penerbitan dan penyebaran al-Quran, sehingga semuanya menjadi mudah dan pantas. Persoalannya bagaimana untuk mengenal pasti kesahihan kandungan al-Quran tetap asli dan tiada kesilapan dan kesalahan. Justeru itu artikel ini tertarik untuk membicarakan bagaimana agensi kerajaan dalam mengawal selia perkembangan penerbitan al-Quran di negara ini. Kajian ini menggunakan metode kualitatif secara naratif berdasarkan protokol temu bual terhadap sampel-sampel yang telah dikenal pasti, dan dianalisis dengan menggunakan kaedah tematik, di samping menggunakan metode analisis dokumen terhadap sumber-sumber perpustakaan yang berkaitan dan sumber-sumber utama yang diperolehi daripada KDN, Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara dan sebagainya. Dapatan kajian ini, mendapati syarikat-syarikat penerbitan al-Quran di Malaysia telah mengunapakai pelbagai reka bentuk al-Quran seiring dengan arus kemajuan teknologi terkini bermula daripada salinan secara tradisional sehinggalah penerbitan al-Quran yang mengaplikasikan teknologi tinggi lagi kontemporari. Penerbitan dan penyebaran al-Quran di Malaysia didapati juga, kandungan ayat-ayat al-Quran masih kekal berkualiti dan tulen. Ini disebabkan penguatkuasaan undang-undang serta pemantauan dari masa ke semasa dilaksanakan oleh agensi kerajaan, walau pun begitu pesepatan teknologi internet semakin mencabar. Oleh itu kerjasama sepadu pelbagai peringkat masyarakat perlu digembeling dalam berhadapan situasi tersebut.

Kata Kunci: Al-Quran; Teknologi; Inovasi; Kreativiti; KDN.



1. PENGENALAN

Secara realitinya kewujudan komuniti yang berpegang kepada agama Islam secara langsung atau tidak langsung menjadi petunjuk akan keperluan kepada penerbitan mushaf al-Quran, sama ada melalui penerbitan secara tradisional atau melalui percetakan atau aplikasi teknologi moden. Oleh itu amat menarik dalam kajian ini, untuk melihat sejarah perkembangan dan penyebaran agama Islam yang akan membawa petunjuk kepada perkembangan penerbitan mushaf atau aplikasi al-Quran di Malaysia. Lebih-lebih lagi Malaysia sering dikaitkan dengan komuniti Islam dan sumber penerbitan dan penyebaran mushaf al-Quran selain daripada Indonesia, Singapura dan Thailand (Ali Akbar, 2011).

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Penerbitan al-Quran bermula secara tradisi iaitu penyalinan semula mushaf-mushaf al-Quran dilakukan oleh penulis-penulis (*Khattat*) al-Quran dan ia berterusan sehingga muncul mesin cetak yang muncul di Eropah (Mohd Asmadi Yaakob, 2014). Namun masih terdapat banyak kekurangan dan kelemahan yang menimbulkan keraguan di kalangan umat Islam ketika itu. Bermula dari kota Hamburg di Jerman pada 1431M, al-Quran mula dicetak pertama kali menggunakan mesin cetak. Selepas itu al-Quran dicetakan pula di Italia pada abad ke-16M (Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran, 2012).

Pada tahun 1308H, muncul Al-Quran cetakan Mesir yang diperhalusi oleh Syeikh Ridwan ibn Muhammad al-Mukhallilati (1834-1895M). Dalam cetakan ini al-Quran ditulis dengan *Rasm Uthmani*, di samping menerangkan bilangan ayat pada setiap surah dan menjelaskan tempat-tempat waqaf dengan meletakkan enam jenis tanda bacaan yang menunjukkan jenis-jenis waqaf seperti *kafi*, *hasan*, *saleh*, *jaiz* dan *tam*. Mushaf ini diterbitkan dengan kata-kata pendahuluan yang sempurna, di mana menjelaskan bahawa mushaf ini ditulis menurut *rasm* dan tanda-tanda yang tercatat di dalam kitab *al-Muqni'* karya Imam Abu Amru Uthman Ibn Said al-Dani (w.440H) dan kitab *al-Tanzil* karya Abu Daud (w.496H). Di samping penjelasan secara ringkas tentang sejarah pengkajian al-Quran dan perbincangan rasm serta *dabt* (Abdul Fattah al-Qadi, 1994).

Seterusnya pada tahun 1337H muncul pula mushaf al-Quran cetakan Kementerian Pendidikan (*Wizarat al-Ma'arif*) Mesir, yang ditashih oleh para ulama' al-Azhar. Pada tahun 1342H, Raja Fuad I membentuk kumpulan pentashih al-Quran dari kalangan ulama' al-Azhar. Pada tahun-tahun berikutnya Universiti al-Azhar membentuk kumpulan sendiri untuk mengawal pencetakan mushaf al-Quran di Mesir (Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran, 2012)

Manakala kerajaan Arab Saudi di bawah kepimpinan Raja Malik Fahd Abdul Aziz al-Saud telah membangunkan Mujamma' al-Malik Fahd Li al-Tiba'at al-Mushaf al-Syarif, pada tahun 1985M/1405H (Kementerian Agama RI, 2014) dan telah mengedarkan mushaf al-Quran *Rasm Uthmani* secara percuma. Di mana Mujamma' al-Malik Fahd telah memberi sumbangan yang besar kepada pencetakan dan penerbitan serta penyebaran mushaf al-Quran ke seluruh dunia Islam *Nabawiyyah* (Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman, 2013).

Walaupun syarikat-syarikat percetakan mushaf al-Quran yang bermula di Mesir dan diikuti oleh negara-negara Islam lain berusaha dan berlumba-lumba mengelokkan reka bentuk mushaf al-Quran yang diterbitkan oleh masing-masing sehingga lahir mushaf al-Quran pelbagai jenis reka bentuk dengan beraneka warna dan ukuran. Namun jarang didapati syarikat yang berusaha menerbitkannya menurut kaedah-kaedah tulisan *Rasm*



Uthmani yang dihimpun dan ditulis pada zaman Khalifah Uthman bin Affan r.a., malahan kebanyakannya dicetak dan diterbitkan menurut kaedah ejaan-ejaan baru (*Rasm Imla'i*), kecuali sedikit benar perkataan-perkataan yang masih dicetak menurut kaedah *Rasm Uthmani* (Abdul Fattah al-Qadi, 1994, p. 101).

3. PERMASALAHAN KAJIAN

Pada dasarnya Akta 326 yang sedia ada ini ditubuhkan bagi membendung masalah yang berlaku di dalam usaha penerbitan dan penyebaran mashaf di Malaysia. Namun begitu sejajar dengan peredaran masa, menjadi suatu tanda tanya sejauh manakah keberkesanan APTQ dalam memastikan keaslian mushaf al-Quran terus terkawal dan terpelihara keharmonianannya. Hal ini menjadi suatu kerisauan apabila munculnya isu di mana, terdapat 2,648 salinan al-Quran bernilai RM157,489.60 dirampas antara Januari dan April tahun ini. Malah, sejumlah 5,196 salinan Al-Quran yang mempunyai kesilapan juga dilupuskan dalam tempoh berkenaan berkenaan (Peraktoday, 2017)

Abd Rahman (2009), menyatakan bahawa masih ramai lagi individu-individu tertentu yang masih gemar menggunakan mashaf yang tidak berpandukan *Rasm Uthmani* sepenuhnya atau mushaf yang mempunyai tanda-tanda yang boleh mengelirukan ketika membaca al-Quran. Beliau juga menyatakan bahawa individu-individu tersebut tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya kerana sekiranya mereka diberi pilihan sudah tentu kebanyakan mereka memilih akan menggunakan atau membaca mashaf tersebut kerana itulah yang selalu mereka baca dan pelajari semenjak dahulu (Abdul Rahman, 2009).

Oleh itu pengkaji juga turut tertarik untuk memahami, meneliti dan mendalami tentang kekeliruan dalam memahami dua metode *Rasm Uthmani* dan *Rasm Imla'i* yang digunakan. Di mana ia menjadi penyumbang kepada kurang kefahaman tentang perbezaan antara al-Quran yang mengguna pakai *Rasm Uthmani* dengan al-Quran *Rasm Imla'i* yang telah menimbulkan salah faham tentang kesucian dan kemukjizatan al-Quran. Suatu rumusan yang menarik diperolehi hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Daud dan Asyraf (2013), menyatakan bahawa *Rasm Imla'i* suatu bentuk mushaf al-Quran yang tidak wajar diterima pakai oleh masyarakat Islam di Malaysia untuk pembacaan (Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman, 2013, p. 60).

4. OBJEKTIF KAJIAN

- 4.1 Mengkaji sejarah perkembangan penerbitan mashaf al-Quran di Malaysia.
- 4.2 Mengenal pasti inovasi dan kreativiti dalam penerbitan al-Quran di Malaysia.

5. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang mengkaji realiti dan situasi sebenar dengan melakukan penerokaan dan penelitian mendalam mengenai perkembangan inovasi dan kreativiti penerbitan dan penyebaran mushaf al-Quran di Malaysia. Kajian ini menggunakan metode kualitatif secara naratif berdasarkan protokol temu bual terhadap sampel-sampel yang telah dikenal pasti seramai 9 orang responden, dan dianalisis dengan menggunakan kaedah tematik dan aplikasi ATLAS.ti 8, di samping menggunakan metode analisis dokumen terhadap sumber-sumber perpustakaan yang berkaitan dan sumber-sumber utama yang diperolehi daripada KDN, Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara dan sebagainya. Dapatan dan perbincangan kajian dianalisis secara historikal dan deskriptif.



6. DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

6.1 Sejarah Perkembangan Penerbitan Mashaf Al-Quran Di Malaysia.

a. Perkembangan Penerbitan Mushaf Al-Quran Di Malaysia.

Pengajian al-Quran dalam masyarakat Islam pada awal kedatangan Islam di Malaysia adalah bermula secara lisan sahaja dan tanpa mushaf. Para pelajar mendengar dan mengikut bacaan guru secara *talaqqi* dan *mushafahah* sehingga dapat dibaca dan dihafal dengan sempurna (KDN, 2018). Menurut Ali Akbar (2011) sekitar tahun 1930-an Syarikat Penerbit Sulaiman Mar'i berpusat di Singapura dan Penang telah menerbitkan mushaf cetakan Bombay bertahun-tahun lamanya. Beberapa jenis mushaf berhuruf tebal itu digunakan oleh masyarakat Islam di Asia Tenggara, terutama hingga tahun 1970-an. Penerbitan dan penyebaran mushaf cetakan Singapura dapat dilihat dan telah ditemui di Palembang, Jakarta, Surakarta, Bali, Palu, Maluku, dan Johor. Sementara mushaf cetakan Bombay dijumpai juga di Palembang, Demak, Madura, Lombok, Bima, dan Filipina Selatan. Mushaf ini disebarkan secara meluas dan ia adalah cetakan daripada Singapura dan Bombay (Ali Akbar, 2011).

Kebanyakan pengajian al-Quran pada zaman ini dilakukan di rumah para pendakwah atau guru al-Quran. Pengajian tersebut kemudiannya dilaksanakan dengan menggunakan *Mushaf Rasm Imla'i* atau juga dikenali sebagai Quran Majid yang dipercayai dicetak di Bombay, India. Mushaf Quran Majid ini telah dibawa oleh para mubaligh dari India. Seterusnya ia digunapakai untuk pengajian al-Quran secara meluas di madrasah, surau, masjid dan pusat pengajian pondok (Daud Ismail & Asyraf, 2016).

Dr. Khairul Anuar al-Bakri (2014), menyatakan kebanyakan mushaf yang terdapat di rumah-rumah dan masjid-masjid kalangan masyarakat Islam negara ini datangnya dari India dan Mesir. Malahan, terdapat juga kalangan mereka yang membaca al-Quran dengan menggunakan mushaf yang diperolehi ketika mengerjakan ibadat haji di tanah suci Mekah. Beliau seterusnya menjelaskan bahawa permulaan penerbitan mushaf al-Quran di Malaysia telah diasaskan oleh Salleh Nahdi dengan penubuhan Maktabah al-Mu'arif yang terletak di Pulau Pinang pada tahun 1964. Setelah itu muncul Syarikat Penerbit Syimal yang telah menerbitkan mushaf al-Quran yang diberi nama al-Quran al-Karim pada tahun 1983. (Dr. Khairul Anuar, 2014). Penggunaan *Mushaf al-Quran Rasm Uthmani* di Malaysia mula tersebar secara drastik pada awal tahun 1980-an menerusi sumbangan wakaf oleh kerajaan Arab Saudi kepada kerajaan dan masyarakat Islam di Malaysia. Mushaf tersebut terkenal dengan panggilan *Mushaf al-Madinah al-Nabawiyyah* (Daud Ismail & Asyraf, 2016).

b. Pelaksanaan Akta Pencetakan Teks al-Quran (Akta 326).

Di Malaysia, pada 8 Februari 1984 dalam persidangan Majlis Raja-Raja Melayu kali ke-129, telah mengeluarkan satu resolusi agar peruntukan undang-undang digubal bagi maksud menangani masalah penggunaan mushaf al-Quran apabila didapati rungutan dan aduan orang ramai terhadap pencemaran al-Quran terutamanya dari sudut penyusunan, penulisan dan lain-lain lagi. (KDN, 2012). Akta Pencetakan Teks al-Quran telah digubal dan akta tersebut telah diwartakan pada 15 Mei 1986. Kemudiannya diikuti pula dengan penggubalan Akta A 1023, iaitu Akta Pencetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 1998, yang diwartakan pada 1 Julai 1998. Akta tersebut mengandungi 25 seksyen yang merangkumi peruntukan



pengurusan, pencetakan mushaf al-Quran, penguatkuasaan dan perkara-perkara berkaitan. Seksyen 14 Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 umpamanya berbunyi:

“Tiada seorang pun boleh mencetak atau menerbitkan sesuatu teks al-Quran atau bahan al-Quran yang mengandungi apa-apa kesilapan berkenaan dengan sesuatu ayat al-Quran di dalamnya”.

Berdasarkan daripada Akta 326 tersebut, tiga unit berikut telah ditubuhkan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dalam memelihara dan menjaga keaslian al-Quran *Rasm Uthmani* iaitu Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ), Lajnah Tashih Al-Quran (LTQ) dan Urus setia Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran (Daud Ismail & Asyraf, 2013, pp. 69-70).

Lembaga ini ditubuhkan pada tahun 1987 dan keanggotaannya terdiri daripada kalangan mufti-mufti dan kadi besar yang mewakili setiap negeri di Malaysia (Abdul Rahman, 2009). Antara tugas dan tanggungjawab jawatan kuasa ini, menerima, menimbang atau menolak permohonan lesen mencetak atau menerbitkan teks al-Quran, memperakui prof akhir¹ teks al-Quran, dan menerima, menimbang dan memperakui permohonan mengimport teks al-Quran secara bertulis bahawa kandungan teks al-Quran adalah betul (KDN, 2012, p. 108).

Bermula dengan keanggotaan seramai 15 orang ahli, LPPPQ dipengerusi oleh Y. Bhg. Dato' Dr. Abd Hamid bin Othman selaku Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHAIS) ketika itu, kemudian beliau telah dilantik secara rasmi pada 8 Oktober 1987 yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Datuk Azizan Zainol Abidin selaku Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.² Pada tahun 2017, ketika kajian ini dilaksanakan LPPPQ di pengaruhi oleh Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Zakaria.

Manakala bagi membantu pelaksanaan proses semakan dan penilaian ayat-ayat al-Quran sebelum diperakui oleh LPPPQ, Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ) dalam mesyuarat pertama kalinya pada 8 Oktober 1987 telah menubuhkan sebuah jawatankuasa pelaksana yang dikenali sebagai Lajnah Tashih Al-Quran (LTQ).³ Unit ini telah mula beroperasi pada tahun 1988.

Sebagai permulaan LTQ di anggotai oleh seramai 7 orang ahli sahaja. LPPPQ memutuskan juga dalam mesyuarat tersebut, penambahan ahli jawatankuasa LTQ boleh ditambah keahliannya mengikut keperluan semasa. Di mana mereka yang dilantik adalah pakar dalam bidang al-Quran yang terdiri daripada pelbagai sektor ketika itu. Kini seramai 35 orang telah dilantik menganggotai LTQ ini. Satu piawaian telah ditetapkan dalam penyemakan al-Quran supaya ia lebih berkualiti, tepat serta lebih dipertanggungjawabkan, di samping menyelaraskan standard penyemakan di kalangan ahli-ahli Lajnah Tashih Al-Quran (KDN, 2012, p. 108).

Bagi melaksanakan tanggungjawab pengurusan al-Quran, di bawah Unit Kawalan Al-Quran (UKQ) ditubuhkan pada tahun 1987. Urusetia LPPPQ mempunyai bidang kuasa dalam pentadbiran dan pengurusan Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan Teks

¹ iaitu cetakan percubaan yang perlu dibandingkan dengan manuskrip asal untuk penelitian kesalahan cetakan dan lain-lain. (Kamus Dewan Edisi Baru. 1991. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Hlm. 986).

² Cabutan Minit Mesyuarat yang dikenali sebagai Peringatan Butir-Butir Mesyuarat Pertama Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan Teks Al-Quran 1986, Bil. 1/1987.

³ Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan Teks Al-Quran 1986, Bil. 2/1988. hlm. 6. Bertarikh 14 Januari 1988.



Al-Quran berpandukan undang-undang yang diperuntukkan. Misi dan objektif unit ini adalah memelihara kesejahteraan rakyat melalui pengawalseliaan dan penguatkuasaan terhadap bahan-bahan penerbitan, teks al-Quran dan hadis dan mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti percetakan dan pengedaran bahan-bahan penerbit serta memastikan kesahihan dan mencegah penyelewengan teks dan bahan al-Quran dan hadis.

Kementerian Dalam Negeri Malaysia (KDN) telah menubuhkan cawangan di setiap negeri bagi memastikan operasi berjalan lancar sehingga masalah tersebut mampu ditangani segera iaitu, di Caw. Kedah/Pelias, Caw. P.Pinang, Caw. Perak, Caw. Selangor, Caw. Negeri Sembilan/Melaka, Caw. Johor, Caw. Pahang, Caw. Terengganu, Caw. Kelantan, Caw. Sabah dan Caw. Serawak (LPPPQ, 2016). Dengan adanya peruntukan undang-undang dan penubuhan badan-badan tersebut, kegiatan mengimport, mencetak dan seterusnya menjual mushaf terlarang dapat dibendung. Hanya *Mushaf al-Quran Rasm Uthmani* sahaja⁴ telah diperakui untuk sebarang bentuk cetakan dan penerbitan. Mushaf-mushaf yang akan dicetak atau diimport untuk komersial dikehendaki dikemukakan kepada Lajnah Tashih Al-Quran untuk penyemakan dan mendapat kelulusan Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran. Bagi agensi, syarikat atau individu yang gagal berbuat demikian, boleh diambil tindakan mahkamah dan dikenakan hukuman sewajarnya.

Hasil penelitian pengkaji terdapat sebanyak 52 syarikat telah mendapat kelulusan lesen mencetak teks atau bahan al-Quran sehingga 2016 dan sebanyak 679 permohonan kelulusan prof akhir teks al-Quran sehingga 2016 telah diluluskan. Senarai ini mendapat kelulusan prof teks al-Quran yang telah dikeluarkan oleh KDN. Prof akhir teks al-Quran terdiri daripada ayat-ayat al-Quran yang dalam bentuk cd rom, telefon pintar, al-Quran dalam bentuk pen digital, muqaddam, naskah al-Quran dan al-Quran digital (KDN, 2016).

6.2 Kemajuan Teknologi Mencetuskan Kreativiti Dan Inovasi Penerbitan Al-Quran.

a. Kreativiti Dan Inovasi Penerbitan Al-Quran.

Perkebangn teknologi secara tidak langsung membawa satu era baru dalam bidang penerbitan al-Quran. Di Malaysia, Pihak penerbit dan pencetak telah berusaha menghasilkan pelbagai jenis inovasi dan kreativiti al-Quran sesuai dengan kehendak dan permintaan masyarakat Islam di negara ini. Al-Quran pada era ini semakin mudah dibaca dimana sahaja dan pada bila-bila masa. Menurut responden 2, banyak syarikat percetakan yang wujud, bersaing di pasaran, oleh itu lahirlah pelbagai inovasi-inovasi baru dalam kreativiti al-Quran, beliau berkata:

“Kalau kita tengok hari ini, memang banyak berlaku kreativiti dan inovasi al-Quranlah, saya melihat apabila wujud banyak syarikat pencetakan kemudian syarikat yang mencetak, di samping banyak bahan-bahan yang dibawa daripada luar negara serta mereka bersaing antara syarikat-syarikat bagi mendapat tempat dalam pasaran, maka lahir inovasi-inovasi baru, dalam kreativiti dan inovasi”

⁴ Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam kali ke 24 yang bersidang pada 5 dan 6 Jun 1989 telah memutuskan bahawa “Adalah haram ditulis atau digunakan mana-mana bahagian daripada al-Quran dengan tulisan yang bukan huruf Arab atau bukan sistem tulisan al-Quran”.



Selain itu, responden 7 berpendapat bahawa pengaruh generasi muda turut mempengaruhi perkembangan inovasi dan kreativiti al-Quran di Malaysia, mereka ini dipengaruhi dengan inovasi kreativiti al-Quran dari luar negara sebagai contoh Indonesia dan mereka cuba mengeluarkan inovasi al-Quran yang diadaptasi dari Indonesia ke Malaysia. Menurut pandangan beliau adalah:

“Saya melihat lambakan budak-budak yang balik daripada Timur Tengah ini, atau pun budak-budak yang lahir lulusan agama ini, yang mereka ni kerja dia orang selari dengan zaman yang.. zaman komputer ni.. kan, yang canggih, jadi budak-budak ni memang sentiasa nak berlumba-lumba nak menghasilkan macam mana yang lebih baik dari orang lain. Yang ke dua pula, mereka melihat tentang perkembangan al-Quran yang berfesyen dari negeri lain seperti Indonesia.. kan, jadi mereka pindah teknologi tu, bawa ke mari, termasuklah yang praktanya, yang Tafsirnya, yang apa bendanya, walau pun mereka tak ambil 100% daripada negeri lain iaitu Indonesia tapi dia mempengaruhi, macam Amazing (aa..) Amazing tu dibawa balik ke Malaysia.”

Responden 7 menambah bahawa kemajuan sains dan teknologi menyumbang kepada inovasi al-Quran sama ada dalam bentuk bercetak mahu pun digital seperti *cd*, menurut beliau:

*“Memang kemajuan sains dan teknologi memang menyumbang kepada perkembangan inovasi al-Quran ini. Sekarang ini bukan sahaja dalam bentuk media cetak, tetapi dalam bentuk pelbagai medium lah, termasuk digital-digital. Digital ini dalam pelbagai ...pelbagai bentuk sama ada dalam bentuk *cd*, *vcd* termasuk *pen*, *readpen* dan sebagainya, dalam pelbagai bentuk selain daripada bercetak lah.. Saya rasa kemudian kemajuan dalam bidang kemajuan dalam teknologi komunikasi juga contohnya penggunaan *handphone* dan sebagainya sekarang ini, al-Quran bukan sahaja diperolehi dengan cara cetak tetapi dalam *handphone* dan sebagainya.”*

Di samping itu, kemajuan teknologi komunikasi juga turut membawa kepada inovasi al-Quran dalam bentuk aplikasi yang mudah dimuat turun dalam telefon pintar, menurut responden 3:

*“Saya rasa, kemudian kemajuan dalam bidang kemajuan dalam teknologi komunikasi juga contohnya penggunaan *handphone* dan sebagainya sekarang ini, al-Quran bukan sahaja dikata ...diperolehi dengan cara cetak tetapi dalam *handphone* dan sebagainya.. Sesuai dengan perkembangan semasa, kerana kajian yang menunjukkan bahawa satu kajian saya baca menunjukkan bahawa 85% daripada pengguna *handphone* misalnya mempunyai al-Quran yang di dalam *handphone*.”*

Tambah beliau lagi, KDN kini telah beralih tumpuan terhadap pengawalan al-Quran secara digital yang dilihat semakin meningkat kerana ianya sangat mudah untuk diakses dengan kemudahan *internet*, katanya:



“Sebab itulah al-Quran yang ada sekarang ini, kita dalam proses untuk mengawalselia di peringkat Lembaga ... di peringkat KDN. kita tukar fokus kita daripada mengawal selia al-Quran yang bercetak... Yang paling kita risau sekarang ini ialah perkembangan al-Quran yang tidak bercetak dalam bentuk digital. kerana kebanyakan al-Quran digital ini pertama dia mengambil bahan-bahan itu daripada internet, sumber-sumber internet dan sebagainya dimasuk turunkan dan kita telah mengemukakan kepada Lembaga lah, untuk memberi fokus kepada al-Quran digital, dan kita dalam masa terdekat ini, kita ada present satu kertas cadangan kepada Yang Berhormat KDN tentang kawal seliaan al-Quran digital.”

Menurut responden 8, teknologi penerbitan terbahagi kepada dua bentuk, yang pertama teknologi dalam bentuk *cd*, *gadget* dan sebagainya, yang kedua adalah teknologi dalam bentuk percetakan. Kedua-dua bentuk penerbitan tersebut mengalami persaingan yang agak hebat dari segi pengeluarannya.

“Teknologi dalam dua bentuk lah, satu digital yang maksudnya digital ni dalam bentuk cd, apa nama tab, apa nama gadget dan sebagainya.. dan sebagainya, yang kedua dari segi percetakan biasa lah soft copy dan hard copy tapi memang sekarang ni kalau persaingan memang percetakan Quran ni persaingan pun hebat juga...”

Walau bagaimana pun, inovasi al-Quran bukan sahaja berkembang dari sudut medium cetak ataupun digital sahaja, malah isi kandungan dari sudut reka bentuk dalaman seperti penandaan waqaf dan ibtida’ turut terinovasi bagi memudahkan masyarakat Islam membacanya. Ianya merujuk kepada pernyataan responden 8 yang juga mengatakan:

“ Inovasi sekarang ini bukan sahaja inovasi dari segi medium al-Quran itu, sama ada bercetak, digital dan sebagainya, tetapi inovasi dari segi bentuk kandungan itu sendiri. Kandungan ...kalau dulu, bukan sahaja sekarang ini kandungan al-Quran, mashaf al-Quran tetapi inovasi dari segi.. Reka bentuk dan juga tambahan-tambahan... Kepada mashaf ...dalam mashaf itu sendiri.. Sebagai contoh sekarang ini orang nak memudahkan untuk membaca.. Waqaf ditandakan dengan kaedah-kaedah tertentu.”

b. Jenis-Jenis Reka Bentuk Kreativiti Inovasi Penerbitan Al-Quran Terkini.

Jika kita lihat di pasaran sekarang, telah dipasarkan pelbagai jenis reka bentuk mashaf al-Quran, hasil dari kreativiti syarikat-syarikat penerbitan dan percetakan tempatan yang sentiasa peka dan bersaing untuk menghasilkan inovasi-inovasi terbaru mashaf al-Quran. Responden 8 mengatakan:

“Kalau dalam Malaysia ni saya tengok kalau dari segi rekabentuk, bentuk mashaf ni, macam dia, kalau kebanyakan syarikat dia akan kebanyakan sama lah, di akan cuma saiz yang akan beza.. Pelbagaikan reka bentuk.”



Menurut responden 4, pihak KDN banyak menerima permohonan mashaf dalam pelbagai bentuk sama ada bentuk bercetak ataupun secara digital, beliau berkata:

“Macam sekarang ni pun kita banyak dapat untuk yang Tajwid berwarna kan? Tajwid berwarna pun kita dah standard kan dah lepas itu dari segi kalau untuk qari-qari pun sekarang ni bermula tahun.. tahun lepas lah.. kita dah.. (gangguan dari orang luar) kita dah wajibkan untuk kalau qari-qari tu kena ambik dengan qari yang daripada Majma' Malik Fahad”

Menurut pengalaman responden 1 pula, antara inovasi penerbitan yang berlaku dalam medium bercetak adalah Muqaddam Bergambar yang diterbitkan khusus untuk kanak-kanak. Walau bagaimanapun, inovasi tersebut telah dikawal oleh pihak Lajnah bagi memelihara nilai-nilai kehormatan al-Quran. Beliau berkata:

“Ya betul, kalau kita tengok sekarang inovasi pertamanya dia orang buat Quran, macam Quran Muqaddam macam-macam inovasi untuk anak-anak ni membaca dengan gambar dengan apa pun, itu pun kita terpaksa, kalau dah ada ahli Lajnah, Lajnah ni terpaksa memberi pandanganlah takut dia melebihi.. melampaui inovasi jadi budak ralit tengok gambar bukan nak mengaji, kita dulu-dulu ni tak ada tu semua, sebab tumpu..”

Responden 8 menyatakan bahawa persaingan dalam percetakan al-Quran kini semakin hebat, masing-masing tampil untuk menghasilkan keluaran yang terbaru. Tambahan lagi aplikasi al-Quran yang mudah dimuat turun dari Internet turut memudahkan umat Islam, untuk membaca al-Quran, sehubungan itu beliau berkata:

“Masing-masing dia akan keluarkan produk yang kata Quran ni pun banyak, kalau dulu al-Quran dan readpen tu kan, sekarang ni dah kurang sikit sebab Readpen dah agak kebelakang.. Cuma sekarang ni gadget la, Android dah... Maksudnya yang kita nampak yang saya duk guna sekarang ni yang Abdul Aziz tu lah yang ayat tu dengan Tafsirnya semua dah ada kalau nak mengajar Tafsir tu bawa tu je. tak perlu lagi bawa al-Quran.”

Di Yayasan Restu, pengeluaran al-Quran lebih menjurus ke arah percetakan sahaja kerana pihaknya berpendapat bahawa medium digital akan melibatkan kos yang tinggi. Namun begitu, pihaknya sedang dalam pembikinan untuk membuat indeks al-Quran dalam bentuk Portal, menurut beliau:

“Kita cuba juga untuk buat digital dan sebagainya, tapi benda tu tak berjalan sebab dia kos pun besar juga kemudian kita dalam proses untuk buat Indeks yang besar, sekarang ni kita dah susun semula Quran bukan maksudnya ini salah satu pendekatan approach dia ikut topik, jadi kalau bab iman tu dia buka bab iman semua Quran tentang iman saja dia tak perlu belek setiap muka surat.. indeks Quran dalam bentuk portal.. ikut tema, itu salah satu projek dengan statistiknya dengan kita boleh tahu bilangan baris, bilangan ayat dan



sebagainya perkataan dan setiap perkataan tu kita huraikan ada kaitan maknanya kalau orang mengkaji Quran dia hanya kuasai dalam 1300 hingga 2800 ayat, perkataan dia boleh memahami keseluruhan al-Qura, dia tahu daripada key dia tu kita dah buat..”

Antara inovasi yang dilakukan sebelum ini adalah penerbitan al-Quran yang dikenali sebagai ‘Mashaf Malaysia’. Di samping itu penerbitan al-Quran terjemahan dalam pelbagai bahasa juga turut giat dijalankan di Yayasan Restu, menurut responden 8:

“Macam dulu kan, dulu Quran kita yang Quran Malaysia , Quran terjemahan ni di antara yang favourite juga, sekarang ni dah kita tak ada print dah lah, ni kita punya Quran yang dicetak.. Cover dia beza daripada Quran ni, Quran saja kemudian kita ada Quran terjemahan, kemudian kita ada Quran terjemahan dalam bahasa-bahasa lain, bahasa Inggeris, kita ada kitab bahasa Inggeris kemudian bahasa Hausa untuk Nigeria, bahasa Urdu, kemudian bahasa Kazakh dan English, dua sekali, kemudian sekarang ni kita dalam proses untuk Mandarin, Mandarin pun dah siap, cuma layout, Mandarin kemudian Tamil, kemudian ada lagi lah Tagalog dan sebagainya lebih kepada Quran dan maknalah, Quran dan makna, Tafsir ringkas yang kita kata tu.”

c. Sambutan Masyarakat Terhadap Inovasi Penerbitan al-Quran di Malaysia.

Perkembangan inovasi dan kreativiti penerbitan al-Quran di Malaysia berlaku dengan begitu pesat sekali, hal yang demikian berlaku berikutan permintaan dan keperluan masyarakat Islam kini yang sentiasa inginkan reka bentuk al-Quran yang menarik, senang dipelajari dan diaplikasi serta mudah dibawa ke mana-mana. Ini dapat dibuktikan dengan pernyataan responden 2 seperti berikut:

“ Saya rasa faktor yang mendorong kepada perkembangan inovasi ini ialah permintaan.. Kehendak masyarakat yang minat pada al-Quran, Ramai orang yang minat pada al-Quran ini, sebab itulah kita tengok. Kalau tengok statistik bermula pada tahun 2008, 2009 permohonan untuk proof akhir... teks akhir al-Quran ini meningkat mendadak. Dia punya kenaikan, ...dia menunjukkan bahawa pasaran al-Quran ini memang besar, orang semakin meningkat, ...minat kepada al-Quran. Tambahan pula dengan saya tengok di akhir-akhir ini, al-Quran ini bukan lagi dalam bentuk yang... yang hitam putih. kepada al-Quran ..”

Selain itu, saiz al-Quran dan bentuk yang pelbagai juga menarik minat masyarakat untuk membeli al-Quran, menurut responden 8:

“Mungkin permintaan daripada orang ramai, nak lebih mudah pegang dia. Ha jelas, lepas tu saiz pun ada saiz poket, boleh bawa.. apa semua”

7. KESIMPULAN

Dapatan kajian mendapati syarikat-syarikat penerbitan al-Quran di Malaysia sebenarnya telah mengunapakai pelbagai reka bentuk al-Quran seiring dengan arus kemajuan teknologi



terkini dan moden. Bermula daripada salinan mushaf al-Quran secara tradisional yang dilakukan oleh para *khuttat* sehinggalah penerbitan al-Quran yang mengaplikasikan teknologi tinggi lagi kontemporari. Perkembangan inovasi dan kreativiti penerbitan dan penyebaran al-Quran di Malaysia sangat menarik, kerana perkembangan ini telah memberi pendedahan kepada masyarakat Islam Malaysia dalam memudahara mempelajari, memahami dan mengahayati al-Quran.

Kajian ini juga mendapati kandungan ayat-ayat al-Quran masih kekal berkualiti dan tulen. Ini disebabkan penguatkuasaan undang-undang serta pemantauan dari masa ke semasa dilaksanakan oleh agensi kerajaan, Melalui usaha-usaha yang dijalankan ini, keaslian Mushaf al-Quran *Rasm Uthmani* dapat dipelihara. Seterusnya budaya menggunakan *Mushaf al-Quran Rasm Uthmani* dalam kalangan masyarakat Islam negara ini dapat dijana dan dipertingkatkan, walau pun kepesatan teknologi internet semakin mencabar, namun kerjasama sepadu pelbagai peringkat masyarakat perlu digembeling dalam berhadapan situasi tersebut.

8. RUJUKAN

- Abdul Fattah al-Qadi. (1994). *Tarikh al-Mushaf al-Syarif*. Mesir: Jumhuriyyah Misr al-‘Arabiyyah al-Azhariyyah al-Syarif.
- Abdul Rahman, A. G. (2009). *Pemeliharaan Al-Quran: Kajian Di Unit Kawalan Teks Al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri*. Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Rahman, A. G. (2009). *Pemeliharaan Al-Quran: Kajian Di Unit Kawalan Teks Al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri*. Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ali Akbar. (2011). Pencetakan Mushaf Al-Quran di Indonesia. *Jurnal Suhuf*, 4(2), 271-287.
- Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman. (2013). *Sejarah dan Perkembangan Mushaf Uthmani Di Malaysia*. Terengganu: Universiti Malaiysa Terengganu.
- Daud Ismail & Asyraf, H. A. (2013). *Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman 2013. Sejarah dan Perkembangan Mushaf Uthmani Di Malaysia. Terengganu: Universiti Malaiysa Terengganu. Hlm. 65. Sejarah dan Perkembangan M Terengganu: Universiti Malaiysa Terengganu.*
- Daud Ismail & Asyraf, H. A. (June, 2016). Mushaf Imla’i Dan Implikasinya Dalam Pembacaan Al-Quran. *Ulum Islamiyyah Journal*, 17, 43-55.
- Dr. Khairul Anuar, a.-B. e. (2014). Manhaj Lajnah tashih wa Dabt wa Toba’ w Nasyr fi Wuzara’ al-Dahiliah al-Malaziah. *Nadwah Toba’ah al-Quran al-Karim wa Nasyr baina al-Waqi’ wa al-Ma’mul. Mamlakah al-Arabiah al-*



- Su'udiah: Wuzara' al-Syu'un al-Islamiah*. Mamlakah al-Arabiah al-Su'udiah: Dr. Khairul Anuar al-Bakri et.al. 2014. Manhaj Lajnah tashih wa Dabt wa Toba' w Nasyr fi Wuzara' al-Dahiliah al-Malaziah. Nadwah Toba'ah al-QurWuzara' al-Syu'un al-Islamiah.
- KDN. (2012). *Panduan Rasm Uthmani* (5 ed.). Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.
- KDN. (29 April, 2016). <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/lesen-agensi-jenis-lesen/109-maklumat-korporat/maklumat-bahagian/bahagian-kawalan-penerbitan-dan-teks-al-quran/263-akta-pencetakan-teks-al-qur-an-1986-akta-326>. Retrieved 28 Februari, 2019, from <http://www.moha.gov.my/index.php/ms>: <http://www.data.gov.my>
- KDN. (20 Februari, 2017). *Senarai kelulusan syarikat mendapat lesen mencetak teks al-Quran*. Retrieved 29 April, 2018, from <http://www.data.gov.my>: sumber:http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/senarai-kelulusan-syarikat-mendapat-lesen-mencetak-teks-al-quran/resource/bc495f2c-3040-4d2b-8d684e5cbbb6d010/2017/2/20_11:35am.
- KDN. (26 Januari, 2018). *Penjualan dan pendedaran mashaf al-Quran yang tidak mendapat perakuan LPPPQ*. Retrieved 26 Januari, 2018, from <http://www.moha.gov.my>: <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/kenyataan-media-kdn/2758-penjualan-dan-pendedaran-mashaf-al-quran-yang-tidak-mendapat-perakuan-lpppq>
- KDN. (11 Mac, 2019). <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/maklumat-korporat/sejarah-ringkas2>. Retrieved 11 Mac, 2019, from <http://www.moha.gov.my>: <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/maklumat-korporat/sejarah-ringkas2/2019.3.11>
- Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran. (24 September, 2012). Penerbit Al-Quran yang dikendalikan oleh Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran. 24 September 2012.
- LPPPQ. (2016). *Bil 4. Laporan Unit Pengurusan Operasi, Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga Pengawalan Dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an Bil. 87/3.2016 pada 31 Oktober 2016 Di Bilik Mesyuarat Perkasa, Aras 11, Blok D1, Kompelks D, Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya*. Putrajaya: KDN.
- Mohd Asmadi Yaakob. (2014). *Manuskrip al-Qur'an dan Ilmu-ilmunya (Ulum al-Qur'an) Di Alam Melayu: Tumpuan Terhadap Manuskrip Ilmu Tajwid*. Universiti Teknologi MARA, Pusat Kajian Manuskrip Alam Melayu (PUSKAM), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Shah Alam: Pusat Kajian Manuskrip Alam Melayu (PUSKAM), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA.

5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019 || eISBN
978-967-2122-82-1)

5th & 6th November 2019 || Tenera Hotel, Bangi, Selangor, Malaysia
Organized by Faculty of Islamic Civilisation Studeis. International Islamic
University College, Selangor, Malaysia



Peraktoday. (5 September, 2017). *Memantau kesilapan cetakan teks al-Quran*. Retrieved 29 April, 2019, from <https://peraktoday.com.my:https://peraktoday.com.my/2017/09/memantau-kesilapan-cetakan-teks-al-quran/>